

# Pemimpin di Kubang Pasu hormati keputusan

Dr. Mahathir

JITRA 14 Sept. 2002

Pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik di kawasan Parlimen Kubang Pasu hari ini menghormati keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk tidak bertanding di dalam pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun mereka mahu Dr. Mahathir terus bersama UMNO Kubang Pasu kerana sumbangan dan buah fikirannya masih diperlukan.

Seorang ahli Jawatankuasa UMNO bahagian Kubang Pasu, **Saad Yob** berkata, keputusan yang dibuat oleh Dr. Mahathir itu adalah lahir dari keikhlasan hatinya dan perlu dihormati.

Katanya, sepanjang menjadi Ahli Parlimen Kubang Pasu, jasa beliau terlalu banyak dan tidak ternilai.

“Harapan saya ialah beliau akan terus bersama UMNO dan penduduk Kubang Pasu walaupun tidak lagi mempertahankan kerusi kawasan berkenaan,” katanya hari ini.

Dr. Mahathir yang menjadi ahli Parlimen Kubang Pasu sejak 1974 membuat pengumuman tidak akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Mesra Rakyat di Alor Setar semalam.

Ketua Penerangan Persatuan Bekas Tentera Malaysia cawangan Kubang Pasu, **Wan Harun Ismail** berkata, semenjak beliau menjadi wakil rakyat di sini banyak pembangunan untuk rakyat dilaksanakan.

“Saya amat menghormati keputusan yang beliau ambil dan semua pihak perlu memahaminya sebagai tanda menghargai jasa beliau kepada rakyat kawasan ini dan juga negara keseluruhannya,” kata Wan Harun.

Setiausaha Rukun Tetangga (RT) Sektor Jitra Utara, **Marzuki Abdul Rahman** pula menyifatkan keputusan Dr. Mahathir untuk tidak bertanding lagi dalam pilihan raya akan datang sebagai satu kehilangan bagi penduduk.